



**GAMBAR** bertajuk 19 Februari 2022 semasa Ismail Sabri (kiri) beramah mesra dengan seorangan pencari pekerjaan pada Program Inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 di Kuala Lumpur.

Terima enam perlindungan insurans bawah Perkeso

## Sasar sejuta pekerja sendiri dilindungi

Oleh LUQMAN RIDHWAN  
MOHD. NOR

**PUTRAJAYA** - Kerajaan menasarkan sekurang-kurangnya sejuta ahli Keluarga Malaysia yang bekerja sendiri mendapat enam perlindungan insurans di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menerusi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, di bawah program itu, kerajaan akan menanggung sebanyak 80 peratus daripada jumlah yang perlu dicarum individu terbabit.

Menurutnya, kerajaan juga bersetuju untuk mewajibkan penyediaan Tasku Tempat Kerja di setiap sektor awam Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan badan berkanun sebelum ia diperluaskan ke sektor swasta.

"Kerajaan menyediakan geran tahunan RM10 juta pada 2019 dan RM30 juta sejak 2020 bagi inisiatif ini yang akan memberi kelegaan kepada pekerja yang mempunyai anak kecil," kata beliau ketika menyempalkan ucapan sempena Hari Pekerja 2022 semalam.

Ismail Sabri berkata, kerajaan juga telah melaksanakan Program Pembiayaan Insurans Keluarga Malaysia, MyEz-Cover.com mulai semalam.

"Ia adalah pakej pembiayaan secara ansuran sehingga 10 bulan tanpa sebarang caj faedah, ditawarkan kepada penjawat awam sebelum diperluas ke sektor swasta.

"Program ini akan dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Perkeso dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa)," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, gaji minimum RM1,500 yang berkuat kuasa semalam merupai pakat hadiah kepada golongan pekerja atas dedikasi tanpa jemu membangunkan ekonomi negara.

Dalam pada itu, ujarnya, kerajaan telah meratifikasi Protokol 29 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) sebagai bukti komitmen kerajaan untuk menghapuskan buruh paksa di negara ini.

"Ratifikasi ini satu tindakan proaktif kerajaan dalam memastikan produk dan barangan Malaysia tidak lagi dikenakan sekatan

masuk ke pasaran antarabangsa kerana didakwa menggunakan buruh paksa dalam pengeluaran barangan negara ini," katanya.

Beliau berkata, di bawah Program Subsidi Upah (PSU) sebanyak RM20.34 bilion telah disalurkan bagi membantu lebih 350,000 majikan di seluruh negara, malah inisiatif itu berjaya membantu mengekalkan 2.95 juta pekerja dalam sektor pekerjaan.

Tambahnya, pembukaan semula sempadan memberi ruang kepada pengambilan semula tenaga kerja asing dalam sektor-sektor tertentu yang diperlukan oleh majikan terutamanya dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

"Namun begitu, tindakan ini bukan berhasrat untuk membelakangkan pekerja tempatan. Satu mekanisme komprehensif akan dirangka untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing supaya warga tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu," kata beliau.

Untuk rekod, ketika ini Malaysia mempunyai kira-kira 17 juta jumlah tenaga kerja.